

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 28.10.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengukuhkan lagi Bahasa Melayu di peringkat pentadbiran Kerajaan kerana terdapat Ketua-Ketua Jabatan yang tidak boleh bertutur dan menulis di dalam Bahasa Melayu, demi menyediakan Bahasa Melayu menjadi bahasa utama negara menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha mengukuhkan bahasa Melayu pada peringkat pentadbiran kerajaan diterjemahkan melalui dua pekeliling utama, iaitu pertama, Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2006, "**Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam**" yang memaklumkan langkah-langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik, betul dan santun, serta memperluas penggunaannya secara menyeluruh dalam Perkhidmatan Awam, sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara.

Kedua, Pekeliling Bilangan 9 Jabatan Perkhidmatan Awam 28 Oktober 2011, "Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam" yang memberikan panduan mengenai penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam perkhidmatan awam, iaitu penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa sama ada secara lisan atau tulisan.

Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan pada tahun 2010 yang bertujuan memantapkan usaha memartabatkan bahasa Melayu dengan melibatkan kementerian dan agensi lain, serta sokongan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Jawatankuasa ini melibatkan 18 sektor penting, iaitu pendidikan, perkhidmatan awam, media dan komunikasi, kewangan dan insurans, tempat awam, perdagangan dan kepenggunaan, sumber manusia, belia dan sukan, perhotelan dan kebudayaan, sains dan teknologi, kerja raya, pengurusan TMK sektor awam, pertahanan, luar negeri, dalam negeri, kesihatan, perdagangan antarabangsa dan industri, dan Wilayah Persekutuan. Selain itu, dua buah jawatankuasa bersama dibentuk, iaitu Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP – Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terletak di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), dan Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP – Khazanah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN : 33**

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini usaha untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pihak yang menembak jatuh pesawat MH17.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pihak yang menembak jatuh pesawat MH17 sedang dilaksanakan di bawah siasatan jenayah oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Siasatan jenayah ini dijangka akan berterusan sehingga tahun 2016.